



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “MENGHAYATI SEMANGAT KEMERDEKAAN”

25 Ogos 2023 / 8 Safar 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal. Semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah yang Maha Esa. Menjelang sambutan Hari Kemerdekaan kali ke-66 pada 31 Ogos 2023, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “MENGHAYATI SEMANGAT KEMERDEKAAN”

Firman Allah SWT, ayat 96 surah al-A'raf:

﴿وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾﴾

Bermaksud: Dan (Allah berfirman lagi) “Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, pastilah Kami akan membuka (pintu pengurniaan) untuk mereka yang melimpah ruah keberkatannya dari langit dan bumi. Tetapi, mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan perbuatan mereka.

Ketika fajar menyingsing pada pagi 31 Ogos 1957, Tanah Melayu, disirami cahaya oleh Allah SWT, apabila bendera ‘Union Jack’ diturunkan dan ‘Jalur Gemilang’ dikibarkan. Seorang hamba Nya, Tunku Abdul Rahman Putra,

<sup>1</sup> Memuji Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Takwa



diangkat menjadi khalifah negara, dengan segak bertanjak – tampan berkeris, gagah berdiri – berpaksi iman, dengan berkat kalimah Bismillah, tujuh kali melaungkan teriakan ‘MERDEKA’. Bergemalah sahutan ‘MERDEKA’ di Stadium Merdeka, gemanya sampai ke seluruh negara.

‘MERDEKA’ bukan sekadar sepatah perkataan yang mengandungi tujuh huruf dan tiga suku kata. MERDEKA ialah hasil daripada azam yang berumbi untuk membela tanah pusaka. Kemerdekaan ialah kisah yang amat panjang, bermula dari ikrar setia di Bukit Siguntang antara raja dan rakyat begitu juga antara rakyat dan raja; kemerdekaan ialah milik termahal negara bangsa.

Kemerdekaan adalah milik negara bangsa yang amat berharga lagi bernilai. Kemerdekaan ialah peristiwa keramat bagi sebuah negara bangsa. Kemerdekaan ialah puncak pencapaian kepada satu perjuangan, untuk memulakan perjuangan baharu. Kemerdekaan itu terbina atas tiang sejarah dan turut mencipta sejarah baharu. Kemerdekaan itu perlu diisi agar dapat memberi erti, dan mengisi kemerdekaan memerlukan ramuan baharu untuk memenuhi keperluan hidangan baharu. Mengolah ramuan baharu dan menyediakan hidangan baharu untuk memberi erti kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan, merupakan urusan yang sangat rumit dan tugas yang amat mencabar.

Kemerdekaan juga mencetuskan perasaan yang berbeza, dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa. Kemerdekaan juga ditafsirkan secara berbeza oleh kumpulan politik yang pelbagai, begitu juga dalam kalangan rakyat yang berada dalam usia dan zon waktu yang berlainan; kemerdekaan memberi harapan berbeza kepada rakyat yang memiliki latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berlainan. Oleh itu satu ‘penyebut seput’ (*common denominator*) bukan sahaja perlu dikenal pasti, malah hendaklah dijadikan tali pengikat yang kukuh menyatukan rakyat untuk berjaya membina negara bangsa yang berdaulat.

Erti kemerdekaan yang sebenar bukan semata-mata kebebasan dalam menentukan pentadbiran dan pemerintahan negara serta menikmati hasil mahsulnya tetapi juga bebas daripada sebarang bentuk cengkaman minda dan jiwa dari sebarang sistem yang bercanggah dengan matlamat syariat yang dinyatakan dalam Maqasid Syariah yang lima iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara keturunan,



memelihara akal, dan memelihara harta. Kemerdekaan hakiki yang ditegaskan Islam bukan sekadar pembebasan tanah air daripada kuasa penjajah, tetapi lebih penting daripada itu ialah pembebasan fikiran, budaya, jiwa dan rohani malah Islam menegaskan kemerdekaan jiwa daripada dikuasai hawa nafsu dan syahwat dengan menundukkannya kepada kawalan akal dan iman.

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kali ke-66, mimbar memilih memperingatkan lima perkara berikut;

**Pertama:** Memahami dan menghayati prinsip pertama Rukun Negara iaitu, Kepercayaan Kepada Tuhan. Agama diletakkan sebagai prinsip utama rakyat Malaysia kerana agama mengajar penganutnya berkeperibadian baik. Pegangan kukuh terhadap agama akan membina insan beriman dan bertakwa yang insaf akan kehidupan di alam barzakh dan hari kebangkitan, lantas akan bersifat amanah, ikhlas dan jujur, melaksanakan keadilan dan mematuhi hukum yang akan membawa kemakmuran kepada negara dan kesejahteraan kepada rakyat.

**Kedua:** Allah SWT kurniai negara kita dengan rakyat yang berbilang kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa; tafsirkan kepelbagaian tersebut sebagai satu kelebihan yang tidak dinikmati oleh banyak negara di dunia. Berusahalah untuk saling berkenalan, saling beramah mesra antara satu sama lain, selaras dengan seruan Ilahi yang terkandung dalam ayat 13 Surah al-Hujurat.

**Ketiga:** Berusahalah mencari titik pertemuan dalam kalangan rakyat yang pelbagai untuk membina kesatuan. Hindari perbuatan dan hasutan yang memilih membesarkan perbezaan, kerana dengan berbuat demikian negara boleh menghadapi kekacauan, kemakmuran negara akan terjejas, keamanan negara akan tergugat dan kemerdekaan negara tidak akan memberi makna.

**Keempat:** Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pelarian (UNHCR) mencatatkan pada akhir tahun 2022, lebih 108 juta orang manusia berpindah secara terpaksa, daripada jumlah tersebut seramai 32.5 juta bertaraf pelarian, disebabkan negara mereka menghadapi krisis, konflik dan peperangan. Malapetaka yang berlaku di negara-negara yang menghadapi krisis, konflik dan peperangan hendaklah dijadikan iktibar untuk dielakkan daripada berlaku di negara ini.



**Kelima:** Memastikan kemerdekaan negara terus dipertahankan dan didaulatkan dengan memahami, menghayati dan mengamalkan prinsip kedua Rukun Negara iaitu ‘Kesetiaan Kepada Raja dan Negara’ berpandukan firman Allah SWT dalam ayat 59 Surah An-Nisa yang bermaksud:

“Wahai orang-orang beriman, taatlah Allah dan taatlah Rasulullah serta *ululamri* (pemerintah yang dilantik) dalam kalangan kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan Rasul Nya (sunahnya) – jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu lebih baik (bagi mu) dan lebih elok pula kesudahannya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Limpahi rahmat kemakmuran kepada negara kami sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, aman lagi sejahtera. Berkati negara kami dengan rezeki dan kemakmuran. Lindungi negara kami daripada anasir yang memecahbelahkan kesatuan. Kurniai kami semangat cinta kepada negara agar warganya hidup dalam suasana persaudaraan, saling menghormati kekal harmoni.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Ghaffaar, Ya Samii'** limpahi ihsan kasih Mu pada roh para pemimpin dan pejuang kemerdekaan negara yang telah melakukan pelbagai pengorbanan, tempatkan mereka dalam kalangan roh para Solihin dan para Solehah.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.